

## Penyeliaan Latihan Mengajar: Implikasi dari Kajian Kes Penilaian Latihan Mengajar.

HJ. ABD. MAIN HJ. SALIMON

Jabatan Pendidikan,  
Universiti Pertanian Malaysia,  
43600 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Kata punca: Penyeliaan latihan mengajar, dimensi penyeliaan, pengelompokan kriteria penyeliaan.**

### ABSTRAK

Artikel ini melaporkan hasil kajian yang telah dijalankan ke atas guru-guru pelatih Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia. Khususnya ia melaporkan dapatan daripada kajian tentang pandangan guru pelatih tentang apakah yang mereka anggap penting dalam Penyeliaan Latihan Mengajar Guru-Guru Pelatih UPM. Kajian ini menemukan 3 dimensi atau gugusan kriteria dalam penyeliaan latihan perguruan iaitu pengetahuan teknik pengajaran, kemahiran menyelia dan minat menyelia. Model perkaitan antara pembolehubah tingkah laku penyeliaan dicerap daripada matris korelasi menggunakan Teknik Analisis Kesamaan McQuity (Dunn-Rankin 1983). Maklumat diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik yang telah dibentuk khas untuk kajian ini berdasarkan kepada tujuan yang ingin dicapai. Data dikumpul daripada 243 orang guru pelatih iaitu lebih kurang 20% daripada jumlah guru-guru pelatih yang mengambil kursus "Latihan Mengajar dan Praktikum Kaunseling" Sesi 1986/1987, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia. Sampel bagi kajian ini terdiri daripada 126 orang pelatih perempuan dan 117 orang pelatih lelaki. Mengikut program, 35 orang adalah pelatih Bachelor Sains dengan Pendidikan, 78 orang pelatih Diploma Sains dengan Pendidikan, 65 orang pelatih Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama) dan 65 orang pelatih Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua).

### ABSTRACT

A study was conducted on a sample of 243 trainee teachers from the Faculty of Education, University of Agriculture, Malaysia. They represented about 20% of the population of students taking the course, "Teaching Practice and Practicum Counselling" offered by the Faculty of Education, University of Agriculture, Malaysia for the 1986/1987 session. One hundred and twenty six trainees were females and 117 trainees male. According to their respective programmes of study, 35 trainees were from Bachelor of Science with Education, 78 trainees were from Diploma in Science with Education, 65 from Bachelor of Education (Teaching of Bahasa Malaysia as First Language) and 65 trainees were from Bachelor of Education (Teaching of English as Second Language). The views perceived by teacher trainees as to what were the important criteria for the conduct of beneficial teaching supervision is reported. The analyses revealed three broad dimensions for the conduct of supervision viz knowledge of teaching-learning methods, skills in supervision, interests in professional development of teacher trainees. The McQuity's Similarity Analysis Technique was used to extract 3 clusters of supervision criteria from the relationships expressed by correlation coefficients. A specifically designed questionnaire was used to collect the data.

### PENGENALAN

Dalam konteks pengurusan dan pentadbiran di sekolah, Rahimah Ahmad (1986) mengemukakan pendapat bahawa terdapat dua jenis penyeliaan yang wujud. Satu ialah penyeliaan

ke atas kerja tugas kakitangan-kakitangan pentadbiran (atau penyeliaan pentadbiran) dan satu lagi adalah penyeliaan ke atas kerja tugas pengajaran guru-guru (atau penyeliaan pengajaran).

Penyeliaan pengajaran mengikut Hoy dan Forsyth (1986) adalah aktiviti atau kegiatan yang dijalankan oleh penyelia untuk menolong mempertingkatkan lagi tugas pengajaran guru. Dua jenis pengurusan penyeliaan kerja tugas pengajaran guru dapat dibezakan. Satu adalah penyeliaan pengajaran ke atas guru-guru yang terlatih, yang bertugas secara tetap di sekolah itu dan satu lagi adalah penyeliaan ke atas guru-guru pelatih yang bertugas semasa menjalani latihan.

Penyeliaan ke atas guru-guru pelatih dilakukan oleh penyelia daripada institusi yang memberikan latihan kepada mereka. Ramai pendidik dan mereka yang mengikuti bidang latihan perguruan melihat penyeliaan pelatih sebagai proses menilai dan membimbing guru-guru pelatih. Beberapa penyelidikan tentang teknik penyeliaan dan pembolehubah-pembolehubah lain yang berkaitan dengan cara penyeliaan telah dikaji untuk mengetahui tatacara penyeliaan yang diingini. Di Universiti Sains Malaysia, antara pembolehubah yang dipertimbangkan untuk Rancangan Latihan Mengajar adalah tingkah laku penyelia, tingkah laku guru pelatih, tingkah laku guru sekolah serta suasana dan iklim sekolah (Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan 1985, ms viii).

Beberapa penyelidikan juga dijalankan selaras dengan pengkonsepian yang disebutkan tadi. Kim Phaik Lah (Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, 1985, ms 79-123) mengkaji persepsi pelatih terhadap objektif penyeliaan mendapati pelatih-pelatih bersetuju bahawa "fungsi bagi penyeliaan adalah memberi peluang kepada guru pelatih dan penyelia berinteraksi, berbincang dan mencuba idea baru yang dipelajari daripada teori pengajaran". Dalam kajian yang lain Subahan (1987) mencerap item-item yang mengukur tingkah laku guru-guru pelatih semasa menjalani latihan mengajar untuk mengenal pasti masalah-masalah pengajaran guru pelatih. Daripada kajian tentang keberkesanan pengajaran pelatih, didapati penyelia perlu menumpukan perbincangan kepada aspek-aspek cara menyoal, cara penyampaian yang menarik minat murid, dan memberikan keyakinan kepada guru pelatih dalam menyampaikan pelajaran semasa membimbing mereka menjalani latihan mengajar (Abd. Main H. Salimon, 1986).

Walaupun bagaimanapun, dalam konteks latihan perguruan, pengkonsepian model penyeliaan telah mengenal pasti dimensi-dimensi lain seperti suasana sekolah, perhubungan pentadbiran sekolah dengan pelatih, tingkah laku guru pelatih serta tingkah laku penyelia-penyelia. Setiap dimensi ini pula mempunyai gugusan pembolehubah yang menerangkan lagi faktor-faktor secara terperinci dalam pengkonsepian model penyeliaan itu. Umpamanya, antara pembolehubah-pembolehubah bagi penyelia adalah tingkah laku penyelia, pengetahuan penyelia dalam isi kandungan subjek yang diselia, kemahiran penyelia berkomunikasi, memberi bimbingan dan menilai pelatih (Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, 1985, ms viii).

### TATACARA DAN PERALATAN

Satu sampel rawak 243 orang guru pelatih Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia telah digunakan untuk kajian ini. 126 orang guru pelatih terdiri daripada perempuan dan 117 orang adalah lelaki. Mereka terdiri daripada 35 orang guru pelatih Bachelour Sains dengan Pendidikan, 78 orang pelatih Diploma Sains dengan Pendidikan, 65 orang pelatih Bachelour Pendidikan (TESL) dan 65 orang pelatih Bachelour Pendidikan (PBMP). Persampelan ini mewakili 20% daripada populasi guru pelatih Fakulti Pengajian Pendidikan yang menjalani Latihan Mengajar dan Praktikum Kaunseling Sesi 1986/1987.

Soal selidik mengandungi 30 kenyataan tentang penyeliaan berbentuk item yang berskala 5 mata Likert yang dibina dengan merujuk kepada Buku Panduan Latihan Mengajar dan Praktikum Kaunseling serta Laporan Penyelia Latihan Mengajar Tahun 1985/1986 (Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, 1987). Pentadbiran soal selidik dikendalikan di bilik-bilik kuliah dengan bantuan 3 orang pensyarah yang mengajar kaedah pengajaran mata pelajaran berkenaan. Ini dilakukan setelah guru-guru pelatih kembali semula ke kelas kuliah selepas tamat menjalani latihan mengajar. Setiap item dijawab dengan pertamanya menyatakan "ya" atau "tidak" bahawa kenyataan yang diberi adalah merupakan kriteria penyeliaan, dan kedua menyatakan sejauh mana persetujuan mereka tentang tercapainya perkara itu semasa penyeliaan latihan mengajar. Soalan ini dijawab

dengan menandakan satu daripada pilihan jawapan antara “sangat setuju”, “setuju”, “sederhana setuju”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju”.

Contoh item adalah:

Penyelia memberikan maklumat yang kemaskini tentang kaedah dan teknik mengajar mata-pelajaran yang saya ajar. 1 2 3 4 5

Penyelia mempunyai pengetahuan yang luas tentang teori pengajaran semasa penyeliaannya. 1 2 3 4 5

(1 = sangat tak setuju, 2 = tak setuju, 3 = sederhana setuju, 4 = setuju, 5 = sangat setuju)

Item-item soal selidik dicerap dengan menggunakan analisis item. Formula Kuder Richardson (KR 20) digunakan untuk memilih item yang benar-benar mengukur aspek penyeliaan sahaja. Daripada 30 item yang asal itu, sebanyak 14 item telah dipilih sebagai item-item yang mengukur aspek-aspek yang berkaitan dengan penyeliaan, seperti yang ditunjuk oleh Indeks Kebolehpercayaan  $r = 0.8471$ . Item-item ini digunakan sebagai pembolehubah yang dianalisis untuk tujuan kajian ini.

Réspons guru-guru pelatih diproses untuk mendapatkan pekali korelasi Pearson di antara beberapa pasangan pembolehubah-pembolehubah. Pemprosesan data dibuat menggunakan pakej statistik SPSS. Pengelompokan pembolehubah-pembolehubah dibuat secara pemeringkatan bertertib (stepwise order) berdasarkan kepada kriteria kesamaan perkaitan menggunakan kaedah Graphic Similarity Analysis (Dunn-Rankin 1983).

Langkah berikut telah dilakukan kepada matriks korelasi:

(1) nilai korelasi tertinggi dalam setiap lajur matriks itu ditandakan, (2) nilai korelasi yang tertinggi di antara nilai-nilai korelasi yang dikenal pasti daripada langkah (1) digunakan untuk mencari perkaitan pasangan pembolehubah yang utama bagi mengenal pasti gugusan dimensi, (3) gugusan dimensi dicerap dengan memilih pembolehubah-pembolehubah yang mempunyai nilai korelasi yang hampir sama dalam baris matriks korelasi itu, (4) seterusnya

nilai korelasi yang kedua tertinggi pula dipilih untuk mencabut gugusan dimensi yang kedua dengan cara yang sama. Ini dilakukan sehingga tiada lagi nilai korelasi yang dapat dicabut dalam lajur matriks itu.

Bagi menggrafkan gugusan dimensi yang mengandungi banyak perkaitan kesamaan antara pembolehubah ketiga, yang mungkin mempengaruhi perkaitan pasangan pembolehubah utama, kawalan statistik dilakukan dengan mengira korelasi pangkatan separa. Ini dilakukan untuk menguji keteguhan perkaitan semasa kesan pembolehubah ketiga dikeluarkan. Jika perkaitan pembolehubah utama tidak ketara berbeza dengan nilai perkaitan semasa kesan pembolehubah ketiga dikeluarkan, maka perkaitan antara pasangan pembolehubah pertama tidak bersandar dengan pembolehubah ketiga.

Jadual 1 menunjukkan pekali korelasi bagi pasangan pembolehubah-pembolehubah, manakala Jadual 2 menunjukkan pekali korelasi pangkatan separa bagi kawalan kepada perkaitan item 3 dan 4.

#### KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Ukuran kesamaan perkaitan telah dapat mencabut 3 pengelompokan dimensi daripada item-item itu. Rajah 1 menunjukkan grafik perkaitan antara item-item dalam tiga kelompok itu. Setiap kelompok merupakan satu dimensi kriteria penyeliaan yang telah dapat dikenal pasti.

##### *Pengelompokan Pertama*

##### *Kriteria Pengetahuan Teknik Pengajaran*

Perkaitan utama yang diperolehi sepertimana yang ditunjuk dalam Jadual 1 adalah di antara Item 7 dan Item 8 dengan nilai  $r = 0.4967$ . Dengan mengambil Item 7 (pengetahuan tentang teori pengajaran) sebagai pembolehubah bersandar, didapati guru-guru pelatih berpandangan bahawa penyelia yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam teori kaedah pengajaran seperti yang ternampak semasa penyeliaannya, adalah juga penyelia yang lebih berkebolehan dalam membimbing, memberi jawapan dan memberi cadangan-cadangan untuk menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan pengajaran guru-guru pelatih. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan penyelia tentang teknik mengajar adalah kriteria

JADUAL 1  
Pekali korelasi antara item-item penilaian

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
1	-0.1734	0.3253	0.4084	0.2570	0.4473	0.1909	0.1804	0.1930	0.2204	0.1648	0.4136	0.2717	0.0900
2		-0.3066	-0.2464	-0.2465	-0.1827	-0.1632	-0.2209	-0.2329	-0.2985	-0.2016	-0.1962	-0.2267	-0.2146
3			0.4905	0.3863	0.3908	0.1957	0.3012	0.4114	0.3473	0.3850	0.4084	0.4531	0.2349
4				0.4701	0.4556	0.3325	0.3587	0.3505	0.2563	0.3778	0.4493	0.3819	0.2120
5					0.3126	0.2118	0.2602	0.2492	0.2963	0.2999	0.3400	0.3658	0.1737
6						0.4215	0.2866	0.2363	0.2819	0.2385	0.3834	0.3850	0.1130
7							0.4967	0.2926	0.2844	0.2340	0.2933	0.3154	0.1850
8								0.3489	0.3235	0.2297	0.2359	0.3385	0.2875
9									0.3286	0.3123	0.4242	0.4428	0.3072
10										0.2757	0.4064	0.3726	0.4576
11											0.4494	0.3604	0.2714
12												0.4370	0.2569
13													0.3481
14													

JADUAL 2

Pekali korelasi pangkatan separa bagi kawalan kepada perkaitan item 3 dan item 4

Item kawalan	Korelasi
13	0.3853
6	0.4653
7	0.4599
5	0.3794
10	0.4429
12	0.3767
14	0.9812

(Nota :  $r_{3,4,13} = 0.3853$  dibaca sebagai perkaitan antara Item 3 dan Item 4 apakala kesan Item 13 dikeluarkan ialah 0.3853)

yang penting bagi penyelia menjalankan tugas membimbing guru-guru pelatih supaya mengajar dengan lebih berkesan. Data perkaitan menunjukkan bahawa kriteria “pengetahuan yang luas tentang kaedah-kaedah dan teknik mengajar” adalah dilihat sebagai paling penting oleh guru-guru pelatih. Gugusan dimensi ini, yang terdiri daripada pasangan perkaitan antara Item 7 dan Item 8, dikategorikan sebagai dimensi kriteria pengetahuan.

#### *Pengelompokan Kedua*

##### *Kemahiran Menyelia.*

Sepertimana yang ditunjukkan oleh pekali korelasi dalam Jadual 1, pengelompokan kedua bermula pada perkaitan antara Item 3 (memahami suasana bilik darjah) dan Item 4 (menyediakan laporan yang berkesan) dengan nilai  $r = 0.4905$  sebagai perkaitan yang utama dalam gugusan kedua. Pasangan perkaitan utama ini digelar Kemahiran Menyelia. Persediaan laporan yang berkesan (Item 4) dikaji sebagai pembolehubah bersandar. Perkaitan antara Item 4 dan Item 3 ini mencerminkan sejauh mana penyelia mempertimbangkan pengalaman dan kebolehan pelatih semasa mencuba kemahiran-kemahiran mengajar. Walau bagaimanapun, seperti yang ditunjukkan oleh perkaitan  $r = 0.4556$  antara Item 4 dan Item 6, pelatih bersetuju bahawa jika komen tentang pengajaran itu ditulis secara yang mudah difahami, maka pelatih-pelatih lebih bersedia memperbaiki langkah-langkah atau strategi pengajaran semasa mereka men-


gajar kelas yang berikutnya. Penulisan komen tentang langkah-langkah pengajaran yang dapat difahami oleh pelatih pula berkaitan dengan pembolehubah “penyelia memberikan penjelasan sama ada objektif pengajaran yang disediakan itu munasabah, mencukupi serta sesuai dengan isi dan kemahiran pelajar yang diajar”. ( $r_{6,1} = 0.4473$ ).

##### *Adakah Kemahiran Menyelia dipengaruhi oleh Pembolehubah Lain?*

Perkaitan antara pembolehubah pengetahuan teori dan kaedah pengajaran (Item 7) dan penyediaan laporan yang berkesan (Item 4) adalah sederhana teguh. Guru-guru pelatih berpendapat bahawa penyelia yang mempunyai pengetahuan yang luas tentang teori pengajaran tidak semestinya dapat memberikan laporan yang baik dan memberikan komen yang membina dan penting. ( $r_{4,7} = 0.3325$ ).

Bagi mengetahui sama ada kemahiran menyelia dipengaruhi oleh pembolehubah lain, perkaitan antara Item 3 dan Item 4 (kemahiran menyelia) hendaklah dilihat semasa kesan pembolehubah-pembolehubah lain dikeluarkan. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1,  $r_{3,4} = 0.4905$ . Begitu juga, perkaitan antara Item 3 dan Item 13 (membantu apabila ada masalah) adalah  $r_{3,13} = 0.4531$ . Daripada matris korelasi kita dapat melihat juga bahawa perkaitan antara Item 4 dan Item 13 adalah  $r_{4,13} = 0.3819$ . Ini membawa kita kepada pertanyaan adakah perkaitan antara Item 3 dan Item 4 dipengaruhi oleh Item 13 (menulis laporan yang berkesan hanya apabila pelatih menunjukkan ada masalah).

Maklumat dalam Jadual 2 telah mengambil kira perkaitan antara kedua-dua Item 3 dan Item 4 apakala kesan pembolehubah ketiga dikeluarkan. Ini dilakukan secara kawalan statistik dengan mengira korelasi pangkatan separa. Oleh sebab  $r_{3,4,13} = 0.3853$  adalah jauh lebih rendah daripada perkaitan asal  $r_{3,4} = 0.4905$  maka kita dapat merumuskan bahawa perkaitan antara tanggungjawab penyelia membimbing dan membantu pelatih dengan empati serta saling memahami suasana penyeliaan (Item 3), dan kesediaan penyelia memberikan laporan yang berkesan (Item 4) adalah bersandar dan dipengaruhi oleh tanggungjawab penyelia membantu apakala



Rajah 1 Perkaitan antara pemboleh ubah berdasarkan analisis kesamaan korelasi PEARSON



pelatih menghadapi masalah dalam pengajarannya (Item 13).

*Adakah Kemahiran Menyelia dipengaruhi oleh Pengetahuan Tentang Kaedah Pengajaran dan Tanggungjawab untuk Menerangkan Kemahiran Mengajar?*

Maklumat dalam Jadual 2 menunjukkan iaitu  $r_{3,4} = 0.4905$  dikawal dengan pembolehubah Item 6,  $r_{3,4,6} = 0.4635$  adalah tidak berbeza sangat dengan perkaitan asal. Maka kita boleh merumuskan bahawa kemahiran menyelia adalah tidak bersandar dengan "tanggungjawab penyelia ingin menerangkan konsep kemahiran mengajar dengan lebih mudah difahami oleh pelatih". Pengujian seterusnya menunjukkan bahawa perkaitan antara Item 3 "saling bantu-membantu serta memahami suasana bilik darjah" dan Item 4 "penyediaan laporan yang berkesan" adalah tidak dipengaruhi oleh kesan Item 7 "pengetahuan penyelia yang luas tentang penyeliaan". ( $r_{3,4,7} = 0.4599$ ). Walau bagaimanapun ia dipengaruhi oleh perjalanan penyeliaan (seperti aras gangguan pembelajaran kerana masalah disiplin atau sebarang gangguan yang lain.  $r_{3,4,5} = 0.3794$ ).

*Adakah Perkaitan antara Item 3 dan Item 4 dipengaruhi oleh Item 10 (Minat Penyelia), Item 12 (Fleksibiliti dalam Penyeliaan) dan Item 14 (Penyelia Menggalakkan Pelatih Berusaha Lebih Gigih Lagi)?*

Kita mendapati seperti maklumat dalam Jadual 2 dan Rajah 1 bahawa perkaitan antara tanggungjawab saling bantu-membantu dan penyediaan laporan yang berkesan dipengaruhi oleh minat penyelia untuk berbuat demikian (Item 10),  $r_{3,4,10} = 0.4429$ ; oleh cara penyeliaan yang fleksibel (Item 12),  $r_{3,4,12} = 0.3767$ ; dan oleh tugas penyelia menggalakkan pelatih supaya berusaha lebih gigih (item 14),  $r_{3,4,14} = 0.9812$ .

*Pengelompokan Ketiga Minat Penyelia.*

Pengelompokan item dalam kategori yang ketiga merupakan pandangan pelatih terhadap minat yang ditunjukkan oleh penyelia sebagai petugas mengembangkan profesion guru (Item 10). Pandangan ini dikaitkan dengan pandangan pelatih yang mengatakan bahawa penyelia sedemikian terdiri daripada mereka yang

sentiasa memberi galakan positif, bersifat fleksibel serta mendorong pelatih menggunakan idea dan teknik yang praktikal dalam pengajaran.

## PENUTUP

Pendekatan Analisis Kesamaan McQuitty telah digunakan untuk menggambarkan perhubungan antara pasangan beberapa pembolehubah berdasarkan kepada perkaitan antara pekali-pekali korelasi. Kemantapan perhubungan itu dapat pula diuji dengan menggunakan perkaitan korelasi pangkatan separa antara perkaitan darjah pertama dua pembolehubah dengan mengawal kesan pembolehubah lain.

Kajian yang bersifat "korelasi" dan bertujuan meneroka amalan penyeliaan latihan mengajar, telah mengenal pasti 3 dimensi kriteria penyeliaan yang mengambil kira pengkonsep pembolehubah-pembolehubah bagi penyelia seperti yang terdapat dalam Buku Laporan Penyelidikan Latihan Mengajar 1985 (Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM 1985 ms viii).

Alat yang hendak digunakan dalam kajian perkaitan kesamaan sebegini hendaklah terlebih dahulu dipilih dengan analisis item supaya alat yang mutakhir itu mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah yang ingin dikaji. Analisis Kesamaan Teknik Analisis McQuitty (Dunn-Rankin, 1983) ini lebih mudah dan cepat digunakan berbanding dengan Teknik "Cluster Analysis" (Dunn-Ranking, 1983) ataupun analisis perkaitan "Cause Effect Relationship" (Youngmann, 1987).

## PENGHARGAAN

Penyelidik ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada guru-guru pelatih UPM daripada program-program Diploma Sains dengan Pendidikan, Bachelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian), Bachelor Pendidikan (PBMP), dan Bachelor Pendidikan (TESL) yang telah memberikan respons kepada soal selidik kajian. Ucapan yang sama ditujukan kepada penyelia-penyelia Latihan Mengajar UPM yang telah menjawab dan mengembalikan soal selidik. Akhir sekali penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Mohd. Majid Konting, Pensyarah bidang Statistik Gunaan dan

Encik Mohd. Ismail Hj. Ridzwan, pensyarah bidang Pendidikan Guru yang bersama-sama menyemak kertas kerja ini.

#### RUJUKAN

- ABD. MAIN H. SALIMON. 1986. Keberkesanan Pengajaran Guru Pelatih. Kertas kerja disampaikan dalam *Bengkel Ke 3 Latihan Mengajar Antara Universiti* di Universiti Sains Pulau Pinang pada 2 Disember, 1986.
- DUNN-RANKIN, PETER. 1983. *Scaling Methods*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN. 1987. *Buku Panduan LMPK Sesi 1986/87*. Peraturan dan Panduan Latihan Mengajar dan Praktikum Kaunseling. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia.
- HOY, W.K. dan P.H. FORSYTH. 1986. *Effective Supervision*. New York: Random House.
- PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN. 1985. *Laporan Penyelidikan Latihan Mengajar 1985: Laporan 4 - Persepsi Mengenai Penyeliaan dan Objektif Penyeliaan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- RAHIMAH HAJI AHMAD. 1986. Penyeliaan Klinikal-Satu Pendekatan Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah. Kertas Kerja *Persidangan Tahunan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan: RECSAM* Pulau Pinang, 9 hingga 19 November, 1986.
- SUBAHAN, RAO dan ROBIAH. 1987. Tingkahlaku Guru Pelatih. Kertas Kerja *Bengkel Ke 4 Latihan Mengajar Antara Universiti*: Universiti Teknologi Malaysia, 7-8 Disember 1987.
- YOUNGMAN, B. MICHAEL. 1978. *Analysing Social and Educational Research Data*. London: McGraw-Hill.

(Diterima 21 Januari, 1989).